

06/09/1997

BSKL catat indeks tertinggi harian

KUALA LUMPUR, Jumaat - Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mencatat kenaikan tertinggi harian sejak Januari 1994 apabila Indeks Komposit melonjak 90.47 mata atau 12.37 peratus untuk ditutup pada 821.59 mata, semalam.

Dagangan yang berlangsung dalam sentimen cergas di BSKL hari ini juga memperlihatkan sejumlah 790 kaunter mencatat kenaikan, 20 rugi manakala 17 kaunter lagi diniagakan tidak berubah.

Kenaikan harga yang tinggi itu menyebabkan beberapa kaunter terpaksa digantung berikutan melebihi had kenaikan maksimum yang ditetapkan. Ini termasuk Konsortium Perkapalan Bhd, Litrak Holdings Bhd dan Tasek Corporation Bhd.

Mencerminkan minat belian teguh kerana harga kebanyakan saham menjadi murah berikutan kejatuhan teruk beberapa minggu lalu, Indeks Komposit yang dibuka pada 766.31, naik 35.19 mata kepada 802.923 mata hanya dalam tempoh dua jam.

Indeks Komposit mencatat kenaikan berterusan sepanjang hari hingga mencatat paras tertinggi 824.22 kira-kira 42 minit sebelum pasaran ditutup. Indeks Emas naik 26.25 mata kepada 231.18 manakala Indeks Perusahaan menokok 189.35 mata menjadi 1,657.58.

Penganalisis berkata, faktor utama yang mendorong kenaikan tinggi di BSKL itu ialah keputusan kerajaan menarik balik sekatan sekuriti bertanda yang dikenakan terhadap 100 kaunter komponen Indeks Komposit, pagi ini.

Kebanyakan mereka berkata, faktor itu serta harga saham yang kini menjadi terlalu murah mendorong pengurus dana tempatan mengetuai pembelian secara besar-besaran dan ia disusuli beberapa kumpulan pelabur asing.

Selain itu, pemulihan nilai ringgit di pasaran mata wang turut membantu meningkatkan sentimen pasaran. Unit tempatan itu yang berada pada paras lebih 3.000 berbanding dolar semalam, naik kepada 2.9270 tengah hari ini.

"Sebenarnya, penarikan balik sekatan berhubung sekuriti bertanda yang bertujuan mengekang jualan singkat itu adalah antara perkara yang paling ditunggu oleh pelabur," kata penganalisis.

Seorang penganalisis lain berkata, keputusan kerajaan untuk menangguhkan pembinaan pelbagai projek gergasi yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mendorong pemulihan di BSKL.

"Pelabur asing mendapati perkembangan ini amat menggalakkan kerana kerajaan menyedari pelbagai projek mega berkenaan mungkin menjana defisit kepada akaun semasa negara," katanya.

Satu lagi perkembangan positif yang menyuntik keyakinan terhadap pasaran ialah pengumuman perangkaan perdagangan negara bagi Julai lalu yang lebih baik daripada diramalkan pasaran.

Bagaimanapun, penganalisis berpendapat masih terlalu awal memastikan daya tahan kenaikan BSKL dan ia hanya dapat ditentukan dengan meneliti sentimen apabila pasaran kembali bermula Isnin ini.

"Jika Indeks Komposit berada pada tahap daya tahan dan tidak jatuh daripada paras sokongan 800 mata, ia adalah petanda baik pasaran akan pulih.

"Pasaran akan pulih sepenuhnya jika pelabur runcit turut memasuki pasaran tetapi mereka perlukan masa untuk pulih daripada tekanan psikologi berikutan kebanyakan mereka mengalami kerugian teruk sejak pasaran saham jatuh," katanya.

(END)